

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(VII)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK
YB. DATO SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

30. Sila jelaskan isu masalah banjir di *flyover* Bayan Baru sama ada berpunca struktur pembinaan, masalah paip dan saliran atau faktor-faktor lain?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

30. Masalah banjir di *flyover* Bayan Baru iaitu jejambat Sultan Azlan Shah adalah berpunca daripada sampah sarap yang memenuhi longkang yang menyebabkan air bertakung apabila hujan serta berpunca daripada masalah reka bentuk besi *grating* longkang yang bersaiz lebih kecil.

Berdasarkan kontrak yang telah dipersetujui dengan Jabatan Kerja Raya (JKR), pihak konsesi yang bertanggungjawab perlu melaksanakan kerja-kerja mencuci longkang di jejambat Sultan Azlan Shah sebanyak enam (6) pusingan setahun. Walau bagaimanapun, dengan kerjasama yang diberikan oleh pihak konsesi, kerja pembersihan longkang dijalankan secara mingguan bagi mengurangkan isu banjir. Pada musim hujan pula, pihak konsesi akan menjalankan pemeriksaan serta merta dan akan menjalankan kerja pembersihan yang lebih kerap untuk mengelakkan kejadian air bertakung. Selain itu, bagi masalah besi *grating*, pihak JKR akan menambah bilangan perangkap sampah di laluan longkang tersebut dan tempahan telah pun dibuat.